

SINGAPORE – CAMBRIDGE
General Certificate of Education Ordinary Level

BAHASA MELAYU B

1151/2

Kertas 2

MALAY B

SPECIMEN PAPER

Paper 2

With effect from 2024 examination

1 hour

ARAHAN UNTUK CALON

1. Baca arahan yang diberikan dengan teliti.
2. Jawab semua soalan. Setiap soalan mengandungi empat pilihan. Satu sahaja daripada empat pilihan itu merupakan jawapan yang paling sesuai. Buat pilihan kamu (A, B, C atau D) dan klik jawapan pilihan kamu itu.
3. Apabila pengawas peperiksaan memberikan isyarat, klik '**START**'.

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. *Follow all instructions carefully.*
2. *Answer all questions. There are four options for each question. One of them is the most appropriate answer. Make your choice (A, B, C, or D) and click your chosen option.*
3. *Click '**START**' when the invigilator gives you the signal.*

Kertas soalan ini mengandungi 11 halaman bercetak dan 1 halaman kosong.



Singapore Examinations and Assessment Board

©MOE

BAHAGIAN A: MELENGKAPKAN TEKS (10 MARKAH)

Arahan: Baca teks-teks yang diberikan dengan teliti dan pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap soalan.

Instructions: Read the passages carefully and choose the most appropriate answer for each question.

Teks 1 (Soalan 1 – 5)**Halia****Majalah Pertanian Mei 2024**

Halia dipercayai berasal dari China. Kini, China, India dan Indonesia merupakan (1) _____ buah negara yang banyak mengeluarkan halia.

Halia dipercayai dapat (2) _____ penyakit seperti asma dan reumatisme. (3) _____, untuk tujuan kesihatan, halia diambil dalam bentuk air rebusan.

Halia turut digunakan sebagai (4) _____ dalam masakan. Halia yang digunakan ialah halia (5) _____, kering atau bergula. Halia muda yang dihiris atau dilecek turut dijadikan ulam untuk dimakan dengan nasi.

- 1 (A) sedikit
(B) pelbagai
(C) beberapa
(D) sebahagian

- 2 (A) terubat
(B) berubat
(C) perubatan
(D) mengubati

- 3 (A) Selalunya
(B) Seluruhnya
(C) Seketiknya
(D) Seumumnya

- 4 (A) sajian
(B) hiasan
(C) adunan
(D) ramuan

- 5 (A) cerah
(B) segar
(C) mekar
(D) baharu

Teks 2 (Soalan 6 – 10)

Pelancongan dan Anda**Oleh: Hilda Amin**

Pada suatu masa dahulu, ramai orang akan mendapatkan khidmat agensi pelancongan untuk bercuti ke luar negara. Namun, pada hari ini, (6) _____ pelancongan telah berubah. Ramai orang yang lebih suka (7) _____ percutian mereka sendiri.

Dengan adanya Internet, persiapan untuk melancong menjadi lebih (8) _____. Kini, terdapat blog yang mengandungi maklumat tentang tempat-tempat yang patut (9) _____. Selain itu, orang ramai digalakkan untuk menonton video-video pelancongan (10) _____ mereka boleh mendapatkan gambaran sebenar tentang sesuatu tempat. Ternyata, kini, persiapan untuk melancong dapat dilakukan sendiri.

- 6** (A) stail
(B) data
(C) trend
(D) praktis

- 7** (A) rancangan
(B) berancang
(C) merancang
(D) perancangan

- 8** (A) cekap
(B) mudah
(C) pantas
(D) sempurna

- 9** (A) dilawati
(B) didekati
(C) didatangi
(D) dihampiri

- 10** (A) supaya
(B) semenjak
(C) sementara
(D) sungguhpun


(lihat halaman sebelah)

BAHAGIAN B: KEFAHAMAN (10 MARKAH)

Arahan: Baca teks-teks yang diberikan dengan teliti dan pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap soalan.

Instructions: *Read the passages carefully and choose the most appropriate answer for each question.*


Teks 1 (Soalan 11-12)



KELAB PENABUNG WADIAH

Pupuklah Semangat Menabung!
Jadilah anggota **Kelab Penabung Wadiah (KPW)** sekarang.

- KPW dibuka kepada golongan remaja.
- Remaja yang berusia di bawah 18 tahun perlu ditemani oleh ibu, bapa atau waris semasa membuat pendaftaran.
- Anggota KPW akan menikmati kadar faedah yang tinggi, iaitu sebanyak 5% bagi akaun simpanan mereka.
- 100 orang remaja pertama yang membuat pendaftaran di setiap lokasi akan mendapat sehelai kemeja-T KPW secara percuma.
- Remaja yang menandatangani sekurang-kurangnya \$150 dalam akaun simpanan akan menerima baucar buku bernilai \$50 dan diskaun 20% bagi pembelian alat tulis di Kedai Buku Sinaran.



**Khas untuk
Warga Emas**

Skim simpanan warga emas turut ditawarkan oleh Bank Wadiah. Kunjungilah Pameran Bank Wadiah untuk mendapatkan maklumat lanjut.

- 11 Kelab Penabung Wadiah (KPW) boleh dianggotai oleh _____.
- (A) waris
 - (B) remaja
 - (C) ibu bapa
 - (D) warga emas
- 12 Semua anggota Kelab Penabung Wadiah boleh menikmati kelebihan. Kelebihan tersebut ialah _____.
- (A) baucar buku
 - (B) kemeja-T percuma
 - (C) kadar faedah yang tinggi
 - (D) diskaun bagi pembelian alat tulis

(lihat halaman sebelah)

Teks 2 (Soalan 13-15)



PASAR MESRA ALAM



Isi masa cuti sekolah anak-anak anda.
Kunjungilah Pasar Mesra Alam!

Tarikh : 20 – 27 Julai 2024
Tempat : Ekspo Ria
Masa : 9 pagi – 8 malam



Ayuh, bawa barang
yang mahu dikitar semula!
Tong kitar semula disediakan.

Dapatkan barang terpakai
pada harga yang murah!

TARIKH	ACARA ISTIMEWA	
20 – 22 Julai 2024	Bengkel	menghasilkan aksesori seperti anting-anting dan rantai dengan menggunakan tin dan botol plastik
22 – 24 Julai 2024	Pertandingan	membuat perkakas rumah seperti pasu dan bingkai gambar dengan menggunakan gelas dan kepingan kayu
25 – 27 Julai 2024	Demonstrasi	mencipta barang peribadi seperti beg dan kotak pensel dengan menggunakan suratkhbar dan beg plastik



Khas untuk ibu bapa sekalian!
Anda berminat menjadi peniaga musiman? Ayuh, jual barang terpakai!
Daftar nama anda segera.

Tarikh Pendaftaran : 1 Jun – 1 Julai 2024
Harga Sewa Gerai : \$250 bagi setiap gerai

Untuk maklumat lanjut, lungsuri laman Pasar Mesra Alam di <http://www.pasarmesraalam.com.sg>.

- 13 Pasar Mesra Alam akan diadakan dari _____.
- (A) 20 – 22 Julai 2024
 - (B) 22 – 24 Julai 2024
 - (C) 25 – 27 Julai 2024
 - (D) 20 – 27 Julai 2024
- 14 Selain mengikuti acara istimewa yang akan diadakan, setiap pengunjung turut berpeluang untuk _____.
- (A) menjadi peniaga musiman
 - (B) menyewa gerai barang terpakai
 - (C) melayari laman Pasar Mesra Alam
 - (D) membeli barang terpakai pada harga yang murah
- 15 Iklan ini disiarkan khusus untuk menggalakkan orang ramai agar _____.
- (A) mengitar semula barang terpakai
 - (B) mengisi masa cuti sekolah anak-anak
 - (C) mendaftarkan nama mereka dengan segera
 - (D) menghasilkan barang terpakai di Pasar Mesra Alam

(lihat halaman sebelah)

BAHAGIAN C: KEFAHAMAN (10 MARKAH)

Arahan: Baca teks-teks yang diberikan dengan teliti dan pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap soalan.

Instructions: *Read the passages carefully and choose the most appropriate answer for each question.*

Teks 1 (Soalan 16-18)

Kelas Menengah 4 Teratai menjadi senyap secara tiba-tiba. Suara Cikgu Daud memarahi Farah boleh didengar dengan kuat dan jelas. Farah hanya mampu mendiamkan diri dan menundukkan kepalanya kerana sedar bahawa dia bersalah.

“Sudah berkali-kali kamu diingatkan untuk menyelesaikan projek yang saya tugaskan. Apakah sebenarnya yang berlaku, Farah?” kata Cikgu Daud.

Rita, teman baik Farah, mengetahui sebab Farah tidak dapat menyelesaikan projek itu. Sebenarnya, baru-baru ini, Farah telah memuat naik hasil lukisannya di laman media sosial. Ramai orang memuji keindahan hasil karyanya. Malah, ada juga yang mahu membeli lukisan Farah. Farah memang kreatif dan berbakat. Setelah menjual lukisannya yang pertama, Farah semakin **giat** menghasilkan lebih banyak lukisan untuk memenuhi tempahan yang semakin banyak. Hasilnya, wang belanja Farah bertambah. Seronok Farah. Farah pun membuat keputusan untuk menumpukan perhatiannya terhadap bidang lukisan. Akibatnya, dia lupa akan tanggungjawabnya sebagai pelajar. Disebabkan itu jugalah, Farah tidak ada masa untuk menyelesaikan projeknya.

“Farah tidak boleh dibiarkan terus leka. Cikgu Daud harus diberitahu tentang hal sebenar,” bisik Rita sendirian.

- 16 Farah dimarahi oleh Cikgu Daud kerana dia _____.
- (A) hanya menundukkan kepala
 - (B) tidak menyelesaikan projeknya
 - (C) hanya mendinginkan diri di dalam kelas
 - (D) tidak menceritakan perkara yang berlaku
- 17 Farah menumpukan sepenuh perhatiannya terhadap bidang lukisan kerana dia _____.
- (A) kreatif dan berbakat
 - (B) menerima banyak pujian
 - (C) menerima tempahan daripada ramai orang
 - (D) seronok mendapat wang belanja yang banyak
- 18 Perkataan 'giat' dalam teks bermaksud _____.
- (A) laju
 - (B) kuat
 - (C) aktif
 - (D) tabah

(lihat halaman sebelah)

Teks 2 (Soalan 19-20)

“Anisah, ke mana awak menghilangkan diri? Sudah tiga bulan awak tidak ke sini,” kata Encik Haikal Iskandar, pendandan dan pemilik salun rambut Salun Estetika dengan mesra.

Dengan segera, Anisah menuju ke kerusi yang ditunjukkan oleh Haikal. Haikal mula menyikat rambut Anisah.

“Anisah ... Anisah ... apakah yang sudah terjadi kepada rambut awak? Kering dan tidak bermaya. Sudah berkali-kali saya menasihati awak. Awak harus memberikan lebih perhatian terhadap rambut awak,” tegur Haikal dengan nada tidak puas hati.

Anisah memandang ke bawah tanpa memberikan apa-apa alasan. Menurut Haikal, untuk memastikan rambut tidak gugur, Anisah perlu menggunakan syampu yang sesuai dengan jenis rambutnya. Anisah juga boleh menggunakan perapi yang bermutu agar rambutnya menjadi lebih terurus. Selain itu, Haikal turut menyarankan beberapa produk penjagaan rambut yang dijual di pasaran kepada Anisah.

“Sekiranya masalah rambut awak dibiarkan berlarutan, awak terpaksa mendapatkan rawatan daripada pakar penjagaan rambut. Amalkanlah penjagaan rambut yang betul, Anisah,” kata Haikal.

“Baiklah, Tuan Haikal,” jawab Anisah.

- 19 Haikal tidak berpuas hati dengan Anisah kerana Anisah _____.
- (A) memandang ke bawah
 - (B) tidak mengikut nasihatnya
 - (C) tidak memberikan apa-apa alasan
 - (D) menghilangkan diri untuk tiga bulan
- 20 Menurut Haikal, masalah rambut gugur boleh diatasi dengan _____.
- (A) menggunakan syampu yang sesuai dengan jenis rambut
 - (B) mendapatkan rawatan daripada pakar penjagaan rambut
 - (C) membeli produk penjagaan rambut yang dijual di pasaran
 - (D) menggunakan perapi yang boleh membuat rambut lebih terurus

Selesai

BLANK PAGE

Copyright Acknowledgements:

Bahagian A
Photographs
Illustrations

© <https://pixabay.com>
© Microsoft Word - Icons; © SEAB

Bahagian B
Illustrations

© Microsoft Word - Icons; © SEAB

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.